

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
(PASIR PUTEH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah penyelesaian hutang negara kesan dari kejatuhan nilai ringgit Malaysia serta peningkatan harga barangan yang menyebabkan masalah inflasi melanda negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan

paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampai sebarang krisis.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Bagi memastikan paras hutang adalah terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi iaitu:

i. Memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil negara dan seterusnya memastikan sebahagian daripada hasil negara tersebut dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;

i. Mengawal perbelanjaan dan memastikan peruntukan dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta memberi penekanan kepada *outcome*, bagi mengelakkan pembaziran;

i. Pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

i. Meneruskan dasar semasa Kerajaan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi, dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

3. Kerajaan yakin dengan langkah-langkah tersebut akan membolehkan paras hutang Kerajaan Persekutuan dapat dikawal dan seterusnya dikurangkan menjelang tahun 2020. Pada masa ini, Malaysia dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana dengan paras hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK kekal terurus pada 52.7% pada 31 Disember 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam menangani penyusutan nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran matawang asing tidak terjejas supaya kegiatan ekonomi berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rezab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kepada turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

5. Pada hujung tahun 2016, BNM juga telah memperkukuh semula peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan insitansi kewangan berlesen dalam negara dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF). Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) dalam pasaran luar persisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

6. Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih dan mencatatkan lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran, sekiranya perolehan eksport dalam matawang asing tidak ditukar

kepada ringgit, ia menyebabkan ketidakseimbangan di dalam permintaan dan penawaran ringgit di dalam pasaran pertukaran asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, bersama BNM, juga telah mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing dalam negara. Ini termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport dalam matawang asing ke ringgit. Aliran perolehan eksport matawang asing ke dalam pasaran kita akan meningkatkan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran dalam negara.

7. BNM turut mempertingkatkan langkah pengawalan dan penguatkuasaan ke atas sebarang salahlaku dalam aktiviti pasaran kewangan. Sebagai contoh, BNM telah mengenakan penalti ke atas sebuah institusi kewangan kerana gagal melaporkan kepada BNM dengan segera mengenai hasil siasatan audit yang penting berkaitan salahlaku peniaga wangnya (*dealer*) yang terlibat dalam penetapan kadar pertukaran USD/MYR.

8. BNM akan terus memantau aktiviti pasaran dengan teliti bagi memastikan institusi kewangan tidak terlibat dalam kegiatan manipulasi pasaran matawang dan pertukaran asing. Selain itu, BNM

juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas ke atas mana-mana pihak yang melanggar undang-undang yang boleh menjejaskan kestabilan pasaran matawang Malaysia.

Tuan Yang Di-Pertua,

9. Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos hidup golongan berpendapatan rendah. Beberapa langkah telah diumumkan dalam Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Oktober 2016. Antaranya:

- Melaksanakan program penjanaaan pendapatan rakyat seperti Program MySuria, Mobilepreneur, Agroprenuer, e-Usahawan dan e-Rezeki;
- Meneruskan pemberian subsidi dan insentif kepada golongan sasaran dan berpendapatan rendah;
- Meningkatkan bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada maksimum RM1,200;
- Bantuan pendidikan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah; dan

- Meningkatkan taraf hidup isi rumah B40 melalui pelbagai kemudahan pembiayaan.